



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMBINAAN AGENDA MEDIA DALAM LAMAN WEB MALAYSIAKINI
DAN AGENDADAILY SEMASA TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA
UMUM 2004**

ABDUL RAHMAN SHAIK

FBMK 2009 11



**PEMBINAAN AGENDA MEDIA DALAM LAMAN
WEB MALAYSIAKINI DAN AGENDADAILY
SEMASA TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA
UMUM 2004**

ABDUL RAHMAN SHAIK

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2009



**PEMBINAAN AGENDA MEDIA DALAM LAMAN WEB MALAYSIAKINI DAN
AGENDADAILY SEMASA TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM 2004**

Oleh

ABDUL RAHMAN SHAIK

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada
Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia
Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

April 2009



DEDIKASI

Dengan Menyebut Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

Tesis ini didedikasikan khas untuk;

**Bonda Yang Dikasihi:
Hajah Zaharah binti Yahya**

**Isteri Tersayang:
Dr. Norasiah Mohd Mansor**

**Anak-anak Tersayang:
Umar Shaik
Nur Mawaddah
Abdul Wafi Shaik
Nur Rahmah**

Rakan taulan.

Terima kasih kerana menjadi pendorong paling mampan dan sedia faham dalam menjayakan penghasilan tesis Doktor Falsafah.

Abstrak tesis yang telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PEMBINAAN AGENDA MEDIA DALAM LAMAN WEB MALAYSIAKINI DAN
AGENDADAILY SEMASA TEMPOH PILIHAN RAYA UMUM 2004**

Oleh

ABDUL RAHMAN SHAIK

April 2009

Pengerusi :Profesor Madya Ezhar Tamam, PhD

Fakulti :Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tema utama isu, meneliti aliran pola penonjolan isu dan artibut pemberitaan liputan berita dalam talian yang dipaparkan melalui laman web Malaysiakini dan Agendadaily semasa tempoh kempen pilihan raya umum 2004. Pembinaan agenda media pendekatan *priming* daripada Teori Penentuan Agenda dijadikan perspektif teoritikal kajian ini. Sebanyak 184 liputan berita politik daripada laman web Malaysiakini dan Agendadaily telah dikaji secara analisis kandungan kualitatif dan pendekatan kuantitaif. Hasil kajian mendapati lima tema utama isu yang kerap ditonjolkan dalam paparan kedua-dua laman web tersebut. Tema utama isu ialah kemelut dalaman, propaganda, kewibawaan calon, kewibawaan Suruhanjaya Pilihan Raya, dan salah laku. Kelima-lima tema utama tersebut dikategorikan kepada isu politik dan perjalanan pilihan raya. Dapatan kajian aliran pola penonjolan isu menunjukkan wujud pembinaan agenda media *priming* oleh kedua-dua laman web semasa membuat



liputan berita politik dalam tempoh kempen pilihan raya umum 2004 dan dapatan kajian mengukuhkan Teori Penentuan Agenda. Kajian ini juga mendapati atribut pemberitaan yang dipaparkan oleh Malaysiakini dan Agendadaily memihak kepada parti politik yang bertanding. Senario demikian, bercanggah dengan kenyataan misi utama kedua-dua laman web membuat liputan berita yang bersifat bebas dan adil.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment partially of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

MEDIA AGENDA BUILDING OF THE MALAYSIAKINI AND AGENDADAILY WEB SITES' DURING THE CAMPAIGN PERIOD OF 2004 GENERAL ELECTION

By

ABDUL RAHMAN SHAIK

April 2009

Chair : Ezhar Tamam, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The study was conducted to identify the main issue of the themes and to examine the patterns flow of the salient issues in the online news coverage. The study also examined the reporting attribute of Malaysiakini and Agendadaily web sites during period 2004 general election campaign. The theory that under pin this study is the media agenda building priming process derived from the Agenda Setting Theory. 184 political news articles of Malaysiakini and Agendadaily websites were analyzed using both qualitative and quantitative approaches. The findings showed that there were five main issue themes that frequently emerged in both web sites. The major themes are internal dispute, propaganda, candidate credibility, Election Commission credibility, and misconduct. The main issue themes can be categorized either into political issue and general election progress. The study on the patterns flow of the salient issues indicated the existence of media priming agenda building in the political news coverage of both web sites during



the 2004 general election campaign and thus, strengthened the Agenda Setting Theory. The findings clearly indicate that the reporting attribute of the news coverage of Malaysia and Agendadaily leans towards political parties that contested in the elections. Hence, the scenario contradicted the main mission of both web sites which emphasized their news coverage were independent and fair.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmatNya dan memberikan kesempatan, kesihatan, kekuatan, semangat dan InayahNya serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Penghargaan tidak terhingga dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ezhar Tamam selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang telah membimbing dan membantu saya menyiapkan tesis ini serta jawatankuasa penyeliaan tesis terutamanya Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar dan Dr. Khairuddin Idris. Begitu juga pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Dr. Md. Salleh Hj Hassan, Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dan Dr. Hamisah Zaherah Hasan. Tidak ketinggalan diucapkan terima kasih kepada rakan perbincangan kajian ini yang banyak membantu saya yakni Dr. Lambak Tompong, Dr. Hassan Abu Bakar dan Cikgu Wan Muhaidi Wan Ishak. Kesempatan ini juga mengucapkan tinggi penghargaan kepada mentor saya, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang menjadi inspirasi saya, memberi dorongan serta sokongan penuh untuk mencapai cita-cita sehingga berjaya memperolehi segulung ijazah Doktor Falsafah.

Akhirnya, jutaan terima kasih khas buat isteri dan anak serta semua ahli keluarga, rakan tualan dan semua pihak yang terlibat membantu saya menyempurnakan pengajian Doktor Falsafah sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi sokongan dan semangat untuk saya menerokai dunia ilmu yang luas membentang.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 13 April 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Abdul Rahman Abdul Razak Shaik bagi menilai tesis beliau bertajuk “Pembinaan Agenda Media Dalam Laman Web Malaysiakini dan Agendadaily Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum 2004” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Musa Abu Hassan, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Md. Salleh Hj Hassan, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Seri Syed Arabi Syed Abdullah Iddid, PhD

Profesor
Pejabat Rektor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 Mei 2009



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ezhar Tamam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Zobidah Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Khairuddin Idris, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Jun 2009



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

ABDUL RAHMAN SHAIK

Tarikh: 28 April 2009



KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
I	
PENGENALAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	6
Objektif Kajian	11
Skop dan Limitasi Kajian	12
Kewajaran Kajian	18
Tanggapan Pengkaji	21
Definisi Istilah	22
Ringkasan	24
II	
SOROTAN LITERATUR	26
Komunikasi Politik	26
Kemunculan Media Baru dalam Komunikasi Politik	27
Amalan Komunikasi Politik	34
Malaysiakini.com	36
Agendadaily.com	37
Latar Belakang PRU 2004	38
Isu dalam Pilihan Raya Umum	41
Teori Penentuan Agenda (Agenda Setting Theory)	45
Konsep Pembinaan Agenda (Agenda Building Concept)	50
Aspek Penonjolan Isu	55
Kerangka Konseptual	57
Kajian Terdahulu	58



III	METODOLOGI	64
	Kaedah Kajian	65
	Bahan Kajian	68
	Proses Pengumpulan Data	70
	Pemilihan Laman Web	70
	Perolehan Data	71
	Pengekod	71
	Pembentukan Tema Utama	72
	Pembentukan Kategori	73
	Unit Analisis	73
	Penggunaan Borang Koding	74
	Pra Ujian	74
	Teknik Menganalisis Data	75
	Analitikal Deskriptif	78
	Langkah Analisis Pembinaan Agenda Media	78
	Kebolehpercayaan	80
	Ringkasan	82
IV	DAPATAN KAJIAN, PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	84
	Latar Belakang Liputan Berita	84
	Tema Utama Isu	87
	Kemelut Dalaman	88
	Propaganda	89
	Kewibawaan Calon	90
	Kewibawaan SPR	91
	Salah Laku	92
	Perbincangan Tema Utama Isu	93
	Kategori Tema Utama Isu	182
	Rumusan Tema Utama Isu	183
	Aliran Pola Penonjolan Tema Utama Isu	186
	Atribut Agenda Media	192
	Rumusan Aliran Pola Penonjolan Tema Utama Isu	195
V	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	196
	Latar Belakang Kajian	196
	Pernyataan Masalah	196
	Objektif Kajian	197
	Metodologi Kajian	198
	Dapatan Kajian	198
	Kesimpulan	200
	Implikasi Kajian	204
	Implikasi Perspektif Teoritikal	204
	Implikasi Perspektif Polisi	206
	Implikasi Perspektif Amalan	207
	Cadangan Kajian Masa Hadapan	208



RUJUKAN
LAMPIRAN
BIODATA PENYELIDIK

Muka Surat

210
219
264



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Jumlah Artikel Berita Politik dalam Laman Web Malaysiakini dan Agendadaily Semasa Tempoh Pilihan Raya Umum 2004	69
2. Taburan Liputan Berita Politik dalam Laman Web Malaysiakini dan Agendadaily Semasa Pilihan Raya Umum 2004	85
3. Kekerapan Taburan Tema Utama Isu dalam Laman Web Malaysiakini dan Agendadaily Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum 2004	187
4. Atribut Agenda Media Melalui Laman Web Berita Malaysiakini Terhadap Parti Bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-11	193
5. Atribut Agenda Media Melalui Laman Web Berita Agendadaily Terhadap Parti Bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-11	194



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Tahap Penentuan Agenda	48
2. Sumber dan Kesan Penonjolan Isu	54
3. Kerangka Model Penonjolan Isu	58
4. Carta Alir Tindakan bagi Analisis Pembinaan Agenda Media	79
5. Tema Utama dan Kategori berdasarkan Analisis Kandungan Laman Web Berita Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum 2004	182
6. Tema Utama Isu Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum ke-11	183
7. Graf Aliran Pola Penonjolan Tema Utama Isu Semasa PRU ke-11	190
8. Aliran Pola Penonjolan Tema Utama Dominan dalam Paparan Laman Web Malaysiakini dan Agendadaily Semasa Pilihan Raya Umum 2004	191
9. Model Penonjolan Tema Utama Isu Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum 2004	200



SENARAI SINGKATAN

BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
CMC	Computer-Mediated Communication
DAP	Democratic Action Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
KeADILan	Parti Keadilan Malaysia
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
MTUC	Malaysian Trades Union Congress
Pak Lah	Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBDS	Parti Bangsa Dayak Sarawak
PBS	Parti Bersatu Sabah
Perikatan	Terdiri daripada UMNO-MCA-MIC
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PM	Perdana Menteri
PPP	People's Progressive Party
PRU	Pilihan Raya Umum
PSM	Parti Sosialis Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia



SNAP	Sarawak National Party
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPSS	Statistical Package for Social Science
STAR	Star Reform Party
UMNO	United Malays National Organisation
www	World Wide Web



BAB I

PENGENALAN

Latar Belakang

Internet sebagai media baharu memainkan peranan penting dalam bidang komunikasi. Penggunaannya mempunyai implikasi sangat luas ke atas aktiviti pencarian, pemprosesan dan penyebaran maklumat. Dalam konteks komunikasi politik penggunaan Internet juga tidak terkecuali. Penyebaran maklumat melalui laman web adalah di antara media alternatif terkini bagi mempelbagaikan dan memperbanyakkan informasi politik yang selama ini disampaikan melalui media konvensional sama ada media massa cetak atau elektronik. Trend peningkatan penggunaan Internet dalam kempen komunikasi politik semakin ketara khususnya di negara maju seperti Amerika Syarikat, Korea dan Jepun. Sebagaimana yang dilaporkan oleh Wayne (2000), Raney (1998) dan Casey (1996), pilihan raya umum Amerika Syarikat memperlihatkan pertumbuhan dramatik dari segi penggunaan laman web untuk menyebarkan mesej oleh calon yang bertanding dalam pilihan raya berkenaan.

Senario politik di Malaysia juga tidak terkecuali daripada gelombang perkembangan penggunaan Internet sebagai saluran komunikasi politik. Menurut Mustafa K. Anuar (2000), populariti melayari Internet di Malaysia tercetus pada tahun 1998 apabila ia secara aktif digunakan oleh pihak yang menyokong, simpati atau ingin tahu gerakan 'Reformasi' yang dipelopori oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kewujudan laman web berita dalam talian (*online news*) yang

berorientasikan politik negara memberi pilihan kepada khalayak melayari Internet serta menerima maklumat politik Malaysia selain daripada media surat khabar, televisyen, radio dan ceramah politik.

Pilihan raya umum merupakan satu peristiwa yang bermakna bagi pengundi. Ini kerana keputusannya bakal menentukan masa depan pemerintahan negara apabila sesebuah parti yang berjaya menubuhkan kerajaan. Abdul Latiff Abu Bakar (1998) mendefinisikan pilihan raya sebagai satu proses demokrasi bagi menentukan parti politik mana yang akan diberi mandat memerintah negara.

Seseorang yang mengikuti perkembangan semasa pilihan raya umum akan memperoleh maklumat melalui surat khabar, menonton televisyen dan/atau mendengar radio yang dipercayai kredibilitinya. Seseorang itu akan memilih media yang ia minati serta percayai dan akan mengulangi penggunaan media tersebut sebagai sumber maklumat. Keadaan demikian memberi gambaran bahawa semasa pilihan raya umum, media massa khususnya media arus perdana berperanan mempengaruhi pengundi yang mengikuti perkembangan isu politik negara. Maklumat yang disampaikan melalui media massa perdana menjadi bahan perbincangan pengundi untuk menentukan kemenangan parti politik pilihan mereka (Syed Arabi Idid, 1994). Kini teknologi komunikasi maklumat bertambah canggih. Kehadiran Internet memberi ruang dan peluang pengundi mendapat maklumat politik semasa pilihan raya umum dengan lebih cepat dan mudah.

Sejak pilihan raya umum tahun 1999 ternyata menyerlah penggunaan Internet sebagai salah satu sumber maklumat politik di Malaysia. Kewujudan berita dalam talian (*on-*

line news) memberi peluang seseorang itu melayari terus laman web berita politik yang diusahakan oleh pihak tertentu. Sebagaimana Wilhelm (1997) menyatakan pelbagaian jenis maklumat boleh diperolehi dengan melayar laman web berita politik. Kini alternatif mendapat maklumat politik menerusi laman web berita dalam talian merupakan dimensi baharu yang ditawarkan kepada pengundi semasa musim pilihan raya.

Di Amerika Syarikat dan negara maju lain, penggunaan Internet telah menjadi satu kemestian. Menurut Selnow (1998), di Amerika setiap calon pemilihan Presiden dan pengundi dikenal pasti mengakui kemudahan Internet merupakan alat penting dalam komunikasi politik. Beliau juga meramalkan kadar pertumbuhan penggunaan Internet dan popularitinya meningkat di kalangan calon politik. Saluran media baharu ini akan terus berkembang dan akan menjadi satu kemestian dalam komunikasi politik sebagaimana media tradisional yang lain.

Perkembangan dalam fenomena penggunaan Internet juga diperkatakan di Malaysia. Kempen pilihan raya umum di Malaysia telah membawa kepada wujudnya laman web. Ia dijadikan sebagai saluran alternatif komunikasi politik untuk menyampaikan informasi isu semasa. Definisi komunikasi politik biasanya dikaitkan dengan kempen calon dan parti politik untuk memenangi kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya (Sundar et al., 2003). Ternyata kemunculan pelbagai laman web dan blog merupakan satu paradigma media baharu yang boleh dikatakan menjadi sumber maklumat alternatif selain media cetak perdana semasa pilihan raya umum. Keupayaan media baharu ini dari segi kecepatan menyampaikan maklumat dan isu

politik boleh mempengaruhi khalayak dalam membuat keputusan apabila tiba hari pengundian.

Organisasi media berita adalah antara institusi yang memainkan peranan penting dalam pilihan raya umum, selain institusi yang bertanggungjawab melaksana perjalanan pilihan raya seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis DiRaja Malaysia dan Pejabat Daerah Tempatan. Antara peranan utama organisasi media berita ialah membuat liputan berita tentang isu dan peristiwa yang berkait dengan pilihan raya. Liputan berita adalah laporan tentang sesuatu peristiwa, fakta dan kenyataan yang boleh memberi dan menarik perhatian pembaca (Abdul Latiff Abu Bakar, 1998). Berita yang dipaparkan di dada akhbar, televisyen dan radio adalah maklumat terpilih serta dilaporkan dengan cara tertentu. Dengan lain perkataan, proses pemberitaan melibatkan pemilihan dan penyuntingan maklumat secara selektif. Proses ini merupakan proses pembinaan agenda media. Kewujudan proses pembinaan agenda media merupakan proses lazim dalam pemberitaan sama ada pendekatan *framing* atau *priming* ataupun kedua-duanya sekali. Pembinaan agenda media merupakan proses meletakkan sesuatu isu dalam agenda media bertujuan bagi mendapatkan pencapaian matlamat agenda khalayak mengambil masa dan perlu melalui beberapa proses yang berperingkat (Lang dan Lang, 1983). Proses ini menjadi lebih jelas dan kritikal ketika musim kempen pilihan raya umum. Penonjolan sesuatu isu akan diberi perhatian utama malahan mengulangi isu tersebut untuk menarik perhatian pengundi.

Kajian lepas yang meneliti fenomena pembinaan agenda media ini melibatkan media arus perdana. Sungguhpun proses pemilihan dan penyuntingan berita merupakan

proses biasa dan telah lama wujud tetapi sejauhmana ia berlaku pada media alternatif tidak banyak diketahui.

Peningkatan penggunaan Internet sebagai media alternatif dalam komunikasi politik di Malaysia membuka ruang dan peluang untuk meneliti sejauhmanakah proses pembinaan agenda berlaku pada media berita yang dianggap bebas atau berkecuali. Tambahan pula, penggunaan media alternatif ini pada waktu pilihan raya 2004 masih di peringkat awal perkembangannya maka amat sesuai diteliti kewujudan pembinaan agenda media, walaupun telah mula digunakan semasa pilihan raya 1999. Media alternatif yang popular ketika pilihan raya umum 2004 ialah Malaysiakini.com dan Agendadaily.com. Kedua-dua organisasi media alternatif ini menganggap mereka bebas dan berkecuali. Dakwaan ini disokong menerusi misi Agendadaily sebagai berpendirian bebas dan tidak memihak dalam laporan. Manakala misi Malaysiakini adalah menyediakan liputan berita politik yang bebas, adil dan seimbang. Sungguhpun kedua-dua media alternatif ini mendakwa bersifat bebas, persoalan pembinaan agenda mungkin relevan. Berdasarkan kepada premis ini maka kajian ini memfokus kepada proses pemberitaan agenda media oleh Malaysiakini dan Agendadaily.

Pernyataan Masalah

Media arus perdana sering dikaitkan sebagai sumber yang berpaksikan *status quo*. Pihak penyokong parti pemerintah akan mengambil media arus perdana ini sebagai pilihan dan sumber untuk memperoleh maklumat semasa tanpa prejudis. Sebaliknya pihak parti pembangkang dan badan bukan kerajaan yang sentiasa was-was dan berasakan perlu wujud media alternatif yang dapat menyalurkan ideologi dan visi sudah tentu tidak seiring dengan prinsip yang dipegang oleh *status quo*. Maka khalayak media di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kumpulan berbeza. Yakni penyokong BN menyokong media arus perdana manakala penyokong pembangkang menentang kerajaan yang melanggan media alternatif (Syed Arabi Idid dan Shafizan Mohamed, 2006).

Kehadiran Internet telah menghasilkan saluran alternatif yang berpotensi dan berpengaruh bagi semua pihak yang terlibat dalam arena politik. Kemunculan media alternatif ini memberi ruang membawa kepada pendemokrasian maklumat terutama dalam landskap media perdana yang dikawal oleh pemerintah. Dalam pilihan raya umum 1999 dan 2004 ternyata laman web sebagai saluran alternatif yang semakin mendapat perhatian pengundi untuk mendapat maklumat dengan pantas dan tiada diperolehi daripada media arus perdana. Potensi dan pilihan media alternatif adalah bersandarkan kelebihannya. Sebagaimana Sundar et al. (2003) menyatakan laman web mempunyai kelebihan dalam aspek penyediaan, penyimpanan, merujuk kembali, dan membuat maklum balas serta sekaligus memproses maklumat berita dalam bentuk teks, gambar dan bunyi. Corrado dan Firestone (1996) pula menyatakan faktor kos dan pencapaian yang luas telah menarik minat parti politik menggunakan laman web